



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ARAHAN AM MENTERI KESIHATAN

BILANGAN 2 TAHUN 2020

**MENGIKUT PERUNTUKAN AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN
JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998 [AKTA 586]**

***SELF-DECLARATION* BAGI MENYEDIAKAN *HEALTH SCREENING
BOOTH* (HSB) OLEH KLINIK PERUBATAN SWASTA YANG BERDAFTAR
DI BAWAH AKTA 586**

TUJUAN

1. Arahan ini ditujukan kepada Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) dan mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Akta 586 iaitu Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Pengarah Amalan Perubatan dan pegawai-pegawai Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) HQ yang terlibat dalam penerimaan *self-declaration* bagi menyediakan *Health Screening Booth* oleh Klinik Perubatan Swasta yang berdaftar di bawah Akta 586.
2. Arahan ini juga boleh dijadikan rujukan kepada Pemegang Perakuan Pendaftaran bagi klinik perubatan swasta yang berhasrat menyediakan HSB supaya dapat mengemukakan *self-declaration* mengikut piawai dan keperluan yang ditetapkan oleh KKM dalam memastikan keselamatan dan kualiti jagaan kesihatan pesakit.
3. Arahan ini juga bertujuan bagi memudahcara sektor jagaan kesihatan swasta untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan HSB dengan selamat, melalui kaedah *self-declaration*.

LATAR BELAKANG

4. Akta 586 dan peraturan-peraturannya bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawalan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta.
5. Akta 586 dan peraturan-peraturannya mula dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006.
6. Objektif Akta 586 adalah seperti berikut:
 - 6.1. *Impose and ensure minimum standards in the private healthcare facilities and services (PHFS);*
 - 6.2. *Ensure integrity among healthcare professionals;*
 - 6.3. *Ensure professionalism among all healthcare professions;*
 - 6.4. *Ensure quality of healthcare facilities and services; dan*
 - 6.5. *Address social and national interest.*
7. Aspek keselamatan dan kualiti jagaan kesihatan pesakit perlu dijadikan keutamaan dalam penyediaan apa juga jenis kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan, termasuklah penyediaan HSB.
8. Merujuk kepada Seksyen 2, Akta 586, suatu HSB boleh disifatkan sebagai sebuah klinik perubatan swasta, kerana meliputi tafsiran premis (sementara) selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan, yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi amalan perubatan atas dasar pesakit luar termasuklah–
 - 8.1 memeriksa, mendiagnosis, atau merawat mana-mana orang yang menghidap, atau dipercayai menghidap, apa-apa penyakit, kecederaan atau hilang upaya minda atau badan;
 - 8.2 perkhidmatan jagaan kesihatan pencegahan atau penggalakan; dan
 - 8.3 mengubati atau mengurangkan apa-apa keadaan luar biasa badan manusia dengan pemakaian apa-apa perkakas, kelengkapan, alat atau peranti.

9. Peruntukan bagi mengawal dan mengawalselia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS) termasuk mengenai keperluan pendaftaran bagi klinik swasta di bawah Akta 586 adalah seperti berikut:
 - 9.1. **Subseksyen 4(1), Akta 586, tiada seorang pun boleh menubuhkan, menyenggara, mengendalikan atau menyediakan suatu klinik perubatan swasta atau klinik pergigian swasta melainkan jika klinik itu didaftarkan di bawah Seksyen 27, Akta yang sama; dan**
 - 9.2. **Seksyen 5, Akta 586**, seseorang yang melanggar Seksyen 3 dan 4 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda atau dipenjara atau kedua-duanya sekali seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan tersebut.
10. Bagi HSB yang disediakan oleh mana-mana klinik perubatan swasta berdaftar di bawah Akta 586, **Perenggan 30(d), Akta 586** menetapkan klinik perubatan swasta yang tidak dihubungkan secara fizikal tetapi dihubungkan secara organisasi atau pentadbiran dengan suatu klinik perubatan swasta berdaftar atau dengan suatu KPJKS berlesen adalah dikehendaki **didaftarkan secara berasingan**.
11. Walau bagaimanapun, HSB yang disediakan oleh **klinik perubatan swasta** yang berdaftar di bawah Akta 586 dan **mematuhi syarat** yang disenaraikan dalam Arahan ini, boleh dikecualikan daripada keperluan mendapatkan pendaftaran yang berasingan daripada klinik perubatan swasta tersebut.
12. Arahan Am Menteri Kesihatan Bil. 2/2019 menyediakan pengecualian terhadap HSB yang disediakan oleh klinik perubatan swasta (umum) yang berdaftar bawah Akta 586 daripada keperluan pendaftaran berasingan.
13. Penularan wabak *Coronavirus Disease 2019* (COVID-19) menyebabkan terdapat keperluan bagi saringan yang meluas ke atas individu yang menepati kriteria untuk saringan tersebut berdasarkan polisi semasa.
14. Bagi memudahkan klinik perubatan swasta menyediakan kemudahan dan perkhidmatan HSB bagi COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan surat Permohonan Klinik Perubatan Swasta (Umum) menyediakan *Health Screening Booth* bagi

Screening and Triaging Related to COVID-19 di Klinik Swasta bertarikh 27 Mac 2020 (No. rujukan : KKM87/A2/14-4/7 (28)).

15. Selaras dengan hasrat membantu negara ke arah pengawalan pandemik yang berkesan serta memudahcara sektor jagaan kesihatan swasta, Arahan Am ini telah ditambah baik kepada *self-declaration*/pengisytiharan.

SUMBER KUASA

16. Arahan ini disediakan selaras dengan peruntukan Akta 586 seperti berikut:

- 16.1. **Seksyen 102, Akta 586** memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberi Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Akta 586, arahan-arahan am **yang tidak tak konsisten** dengan peruntukan Akta 586 tentang penjalanan kuasa dan budi bicara yang diberikan kepada dan kewajipan yang dikehendaki ditunaikan oleh Ketua Pengarah atau pegawai di bawah Akta ini; dan

- 16.2. **Seksyen 103, Akta 586** memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk mengecualikan mana-mana atau mana-mana bahagian KPJKS yang dilesenkan atau didaftarkan di bawah Akta ini daripada kuat kuasa mana-mana peruntukan Akta 586–

- (a) **tertakluk kepada apa-apa sekatan atau syarat** sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, selepas berunding dengan Ketua Pengarah; dan

- (b) jika dia berpuas hati bahawa kemudahan jagaan kesihatan swasta itu **tidak mendatangkan apa-apa bahaya kepada kesihatan orang awam, atau tidak akan dikendalikan mengikut cara yang memudaratkan kepentingan kesihatan awam.**

- 16.3. **Seksyen 44, Akta 586** di mana Ketua Pengarah Kesihatan boleh mengeluarkan surat tunjuk sebab dalam Seksyen 43, Akta 586 atas alasan pemegang perakuan pendaftaran telah memperoleh kelulusan melalui apa-apa kenyataan palsu atau mengelirukan.

TAFSIRAN

17. Merujuk Seksyen 2, Akta 586, “perkhidmatan jagaan kesihatan swasta” ertinya apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta.
18. Dari segi administratif–
 - 18.1. “*Health Screening Booth*” merujuk kepada mana-mana premis sementara yang digunakan **hanya** untuk tujuan saringan kesihatan pesakit termasuk saringan COVID-19; dan
 - 18.2. “*klien*” dalam konteks ini bermaksud mana-mana orang yang tidak mempunyai apa-apa simptom atau penyakit yang diketahui yang mendapatkan ujian saringan COVID-19 di HSB berkenaan.

TERMA DAN SYARAT BAGI HSB YANG BOLEH DIBERIKAN PENGECUALIAN DARIPADA KEPERLUAN MENDAPATKAN PENDAFTARAN BERASINGAN

19. HSB yang boleh diberikan pengecualian daripada keperluan mendapatkan pendaftaran yang berasingan daripada **klitik perubatan swasta** adalah HSB yang disediakan oleh klinik perubatan swasta yang berdaftar di bawah Akta 586.
20. Pemegang Perakuan Pendaftaran klinik perubatan swasta tersebut boleh menyediakan kemudahan dan perkhidmatan HSB setelah menandatangani dan mengemukakan *Self-declaration* Bagi Menyediakan Health Screening Booth Oleh Klinik Perubatan Swasta yang Berdaftar Bawah Akta 586 (seperti di Lampiran) yang lengkap, melalui emel kepada ckaps@moh.gov.my. Pastikan bukti penghantaran melalui emel disimpan sebagai rujukan/ rekod.
21. Kelulusan bagi menyediakan perkhidmatan HSB disifatkan sah laku dari tarikh *self-declaration* berkenaan dikemukakan kepada Kementerian **selagi tiada sebarang pemindahan hakmilik Perakuan Pendaftaran.**

FPEMANTAUAN


22. Pemantauan akan dijalankan oleh pegawai-pegawai CKAPS setelah *self-declaration* dikemukakan dari semasa ke semasa.

TARIKH KUAT KUASA

23. Arahan ini berkuat kuasa serta merta mengikut tarikh arahan.

PEMBATALAN

24. Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, maka Arahan Am Menteri Kesihatan Bilangan 2 Tahun 2019 Permohonan Menyediakan *Health Screening Booth* Oleh Klinik Perubatan Swasta (Umum) Yang Berdaftar Di Bawah Akta 586 adalah dibatalkan dan digantikan dengan Arahan Am ini.



YANG BERTAMBAH DATO' SERI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan Malaysia

Tarikh: 2 OKTOBER 2020



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**SELF-DECLARATION BAGI MENYEDIAKAN HEALTH SCREENING BOOTH
(HSB) OLEH KLINIK PERUBATAN SWASTA YANG BERDAFTAR DI BAWAH
AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998
[AKTA 586]**

PERHATIAN:

1. Pemegang Perakuan Pendaftaran Klinik Perubatan Swasta bawah Akta 586 yang ingin menyediakan *Health Screening Booth* (HSB) perlu mengemukakan *self-declaration* yang lengkap.
2. *Self-declaration* tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia di alamat ckaps@moh.gov.my **sebelum menyediakan kemudahan dan perkhidmatan berkenaan.**

A. BUTIR-BUTIR KLINIK PERUBATAN SWASTA YANG AKAN MENYEDIAKAN HSB

1.	Nama klinik	:	
2.	Alamat klinik	:	
3.	Nombor pendaftaran klinik	:	

**B. MAKLUMAT BERKENAAN PENGANJURAN PROGRAM
(Tandakan dimana yang berkaitan)**

1.	Nama program	:	
2.	Tujuan	:	<input type="checkbox"/> Saringan kesihatan
			<input type="checkbox"/> Saringan COVID-19
			<input type="checkbox"/> Lain-lain, sila nyatakan:

C. MAKLUMAT BERKENAAN JENIS UJIAN YANG DIJALANKAN (Tandakan <input checked="" type="checkbox"/> bagi jenis ujian yang berkaitan)	
1.	<input type="checkbox"/> RT-PCR
2.	<input type="checkbox"/> Lain-lain, sila nyatakan:

Saya, dengan ini mengakui bahawa maklumat dan kenyataan yang saya berikan adalah benar dan saya mengaku dan berjanji–

- (a) Telah menjalankan penaksiran risiko dan **mengesahkan** bahawa aktiviti saringan ini adalah berisiko rendah serta akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi mengendalikan risiko berkenaan;
- (b) Mematuhi semua keperluan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] dan Peraturan-peraturannya serta garis panduannya, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan peruntukan lain yang mana berkaitan termasuk prosedur–
 - (i) kawalan jangkitan;
 - (ii) pengurusan kecemasan perubatan;
 - (iii) pengurusan sisa klinikal; dan
 - (iv) pengurusan rekod perubatan pesakit dan lain-lain.;
- (c) Memastikan semua profesional jagaan kesihatan yang diambil kerja atau diguna khidmat–
 - (i) didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang yang mengawal selia pendaftaran mereka;
 - (ii) mematuhi *Code of Professional Conduct* dan Garis Panduan Etika profesional jagaan kesihatan berkenaan; dan
 - (iii) Mematuhi *Good Medical Practice Guidelines* yang berkaitan.; dan
- (d) Memastikan lokasi HSB yang dipilih–
 - (i) terletak dalam **negeri yang sama** di mana klinik perubatan swasta tersebut didaftarkan;
 - (ii) **mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan** atau mana-mana pihak yang berkaitan; dan
 - (iii) adalah di bawah tanggungjawab saya sepenuhnya.

- (e) * Saya juga mengesahkan bahawa saya menyediakan HSB bagi saringan COVID-19 serta saya mengaku dan berjanji–
- (i) Mematuhi Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia (*Guidelines COVID-19 Management in Malaysia*) semasa yang terpakai serta garis panduan dan *Standard Operating Procedure* terkini berkaitan, yang dikeluarkan dari semasa ke semasa;
 - (ii) Mematuhi Garis Panduan Menggunakan Kit Ujian Pantas (RTK-Ag) bagi COVID-19 di Sektor Swasta Versi 2.0 berkenaan penggunaan RTK-Ag dan penaksiran risiko, sekiranya menggunakan RTK-Ag;
 - (iii) Memastikan *person-to-perform* yang diketuai oleh pengamal perubatan berdaftar telah terlatih untuk menjalankan persampelan dan/ atau pengujian COVID-19;
 - (iv) Menggunakan *test kit* yang telah mendapat “surat tiada halangan” dari Pihak Berkuasa Peranti Perubatan; dan
 - (v) Apabila menggunakan kaedah RT-PCR, memastikan pengujian dijalankan di makmal yang diakreditasi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk COVID-19.

***Sila tandakan jika berkaitan**

Sekiranya kenyataan yang saya berikan adalah palsu dan mengelirukan, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia berhak mengambil tindakan lanjut mengikut peruntukan undang-undang yang terpakai. Saya dan semua profesional serta para-profesional perubatan yang terlibat juga adalah bertanggungjawab sepenuhnya dari segi undang-undang termasuk implikasi mediko legal dalam pengendalian program tersebut.

Disediakan oleh Pemegang Perakuan Pendaftaran:

Tandatangan :
 Nama :
 No. Kad :
 Pengenalan
 Tarikh :
 Cop :

Self-declaration ini hendaklah dikemukakan melalui emel kepada:

Pengarah Amalan Perubatan
 (U.P: CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA HQ)
 No Faks : 03-8881 0901/0902
 Alamat emel : ckaps@moh.gov.my